


Kisah Nabi Dawud as

| **Salasilah | Thalut** **Menjadi Raja | Dawud Mengalahkan Jalut** | **Dawud**
Sebagai Hamba |
| **Keistimewaan Nabi Dawud | Kenikmatan-kenikmatan** **Yang Diterima Nabi**
Dawud | Nabi Dawud Sebagai **Hakim|**
| **Kelalaian Nabi Dawud** **Dalam Memutuskan Perkara | Mukjizat Nabi**
Dawud □ **Kitab Nabi Dawud |Kitab Nabi** **Dawud |**

Salasilah

 iriwayatkan bahawa nama Dawud disebutkan 16 kali dalam Al-Quran, iaitu dalam surah Al-Baqarah, An-Nisaa', Al-Maa'idah, Al-An'aam, Al-Israa', Al-Anbiyaa', An-Naml, Sabaa' dan Shaad. Dawud termasuk nabi-nabi Bani Israil, keturunan Yahudza bin Nabi Yaakub. Allah telah menghimpunkan baginya kenabian dan kerajaan serta mengurniakan kebaikan dunia dan akhirat, maka beliau adalah nabi dan raja sebagaimana juga puteranya Sulaiman a.s.

Dawud bin Isya bin 'Uwaid, termasuk keturunan Yahudza bin Nabi Yaakub bin Ishaq bin Ibrahim a.s. Ahli Taurat dan ahli Injil menyebutkan nasabnya dengan terperinci dalam kitab-kitab mereka. Mereka semua sepakat bahawa Dawud a.s. adalah keturunan Yahudza bin Yaakub yang dinamakan Israil a.s. Beliau termasuk salah seorang rasul yang diberi kitab samawi sesudah Musa a.s., di mana Allah menurunkan Zabur kepada beliau, sebagaimana firman Allah:

"Dan Kami berikan Zabur kepada Dawud".

(Al-Israa': 55)

[Kembali ke atas ↑](#)

Thalut Menjadi***Raja***

Sesudah wafatnya Nabi Musa dan Harun, Bani Israil diperintah oleh seorang nabi di antara nabi-nabi mereka yang bernama Yusya' bin Nun a.s. Beliau memasuki Palestin, sebagaimana mereka telah dijanjikan melalui lisan Musa dalam Taurat, lalu beliau mengagih-agihkan tanah kepada mereka, dan memerintah mereka sampai wafatnya. Setelah Yusya' bin Nun wafat, pemerintahan dipegang oleh para hakim di antara mereka yang berlangsung selama 356 tahun, dan pemerintahan pada masa itu dinamakan "Pemerintahan Hakim".

Pada selang waktu itu, Bani Israil perlahan-lahan mengalami kehancuran dan kelemahan. Berbagai macam kemaksiatan dan kemungkaran bermaharajalela di mana-mana, syariat disia-siakan, penyembahan behala kembali mempengaruhi mereka, di mana mereka diserang oleh bangsa Amaliqah, Armenia, Palestin dan yang lain-lain di mana dalam setiap kali serangan mereka lebih banyak kalah di dalam menghadapi musuh.

Kemudian urusan Bani Israil menjadi kacau, penyelewengan dan kesalahan semakin besar, bahkan sampai-sampai mereka berani membunuh para nabi. Sebagai ganti para nabi itu, Allah memberikan kekuasaan kepada raja-raja yang bengis yang sentiasa menganiaya mereka, menumpahkan darah-darah mereka dan memenangkan musuh-musuh mereka.

Apabila mereka memerangi musuh mereka, lalu mereka membawa Tabut mitsaq (kotak perjanjian), yang orang-orang ahli kitab menamakannya dengan Tabut 'ahd (kotak perjanjian), yang di dalamnya terdapat kepingan-kepingan dan tongkat Musa a.s. Inilah yang diisyaratkan dalam Al-Quran:

"Dan nabi mereka mengatakan kepada mereka: "Sesungguhnya tanda ia akan menjadi raja, ialah kembalinya tabut kepadamu, yang di dalamnya terdapat ketenangan dari Tuhanmu dan sisa dari peninggalan keluarga Musa dan keluarga Harun"

(Al-Baqarah: 248)

Kemudian mereka mendapatkan kemenangan kerana berkah tabut itu. Tatkala mereka bertempur dengan penduduk negeri Ghazzah dan 'Asqalan, mereka terlibat dalam pertentangan di antara mereka sendiri dan raja mereka mati dengan cara yang mengerikan, dan Bani Israil bagaikan kambing yang tidak ada penggembalanya, sampai Allah membangkitkan seorang nabi yang bernama Samuel, dan ahli kitab menyebutnya Shamuel, lalu mereka meminta kepadanya untuk menentukan seorang raja di antara mereka supaya dapat melawan musuh-musuh mereka.

Peristiwa ini dikisahkan Allah dalam Al-Quran adalah sebagai berikut:
"Apakah kamu tidak memperhatikan pemuka-pemuka Bani Israil sesudah Nabi Musa, iaitu ketika mereka berkata: "Angkatlah untuk kami seorang raja supaya kami berperang (di bawah kepemimpinannya) di jalan Allah. Nabi mereka menjawab: "Mungkin sekali jika kamu nanti diwajibkan berperang, kamu tidak akan berperang".

Mereka menjawab: "Mengapa kami tidak mahu berperang di jalan Allah, padahal sesungguhnya kami telah diusir dari kampung halaman kami dan dari anak-anak kami?" Maka tatkala perang itu diwajibkan atas mereka, merekapun berpaling, kecuali beberapa orang saja di antara mereka. Dan Allah Maha Mengetahui orang-orang yang zalim".

(Al-Baqarah: 246)

Allah telah menjadikan Thalut sebagai raja dengan melalui wahyu dari Allah. Allah menunjuk Thalut sebagai raja yang mengurus urusan mereka kerana badannya yang kekar dan ilmunya yang memadai. Akan tetapi Bani Israil menolak penunjukan Thalut, dan mereka berkata kepada nabinya:

"Bagaimana Thalut memerintah kami, padahal kami lebih berhak mengendalikan pemerintahan daripada dia, sedang dia pun tidak diberi kekayaan yang cukup banyak?"

Nabi mereka menjawab, "Sesungguhnya Allah telah memilihnya menjadi rajamu dan menganugerahinya ilmu yang luas dan tubuh yang perkasa."

Thalut menjadi raja bagi Bani Israil, dan Allah mengukuhkannya dengan datangnya Tabut yang diperselisihkan ke tengah-tengah mereka. Thalut memilih pasukan yang kuat lagi perkasa untuk memerangi musuh-musuh mereka yang dipimpin oleh Jalut yang kejam dan perkasa.

[Kembali ke atas ↑](#)

Dawud Mengalahkan Jalut

Jalut mengisytiharkan supaya diadakan perang tanding satu lawan satu. Jalut yang gagah perkasa maju ke hadapan mencabar musuh-musuhnya. Cabaran Jalut disambut oleh Dawud, seorang yang nampaknya tidak setanding dengan Jalut yang bertubuh besar, kuat dan gagah. Seinggakan Jalut mengejeknya dengan berkata, "Pergilah kamu, sebab aku tak ingin membunuh budak kecil seperti kamu." Dawud menjawab, "Tetapi aku ingin membunuh kamu!"

Maka terjadilah pertempuran antara Jalut dengan Dawud. Walaupun bertubuh kecil, Dawud berjaya menjatuhkan Jalut dengan lemparan batu, sehingga tentera Jalut kucar-kacir dan bertempiraran lari.

Semenjak kejadian itu, nama Dawud menjadi terkenal di kalangan Bani Israil. Selepas kematian Thalut, urusan pemerintahan dikuasai oleh Dawud, yang menjadi raja ke atas Bani Israil.

[Kembali ke atas ↑](#)

Dawud Sebagai Hamba

Allah telah mengkhabarkan tentang ketaatan Dawud menerusi firman-Nya: *“Dan ingatlah hamba Kami Dawud yang mempunyai kekuatan; sesungguhnya dia amat taat (kepada Tuhan). Sesungguhnya Kami menundukkan gunung-ganang untuk bertasbih bersama dia (Dawud) diwaktu petang dan pagi, dan (Kami tundukkan pula) burung-burung dalam keadaan berkumpul. Masing-masingnya amat taat kepada Allah.”*

(Shaad: 17-19)

Menerusi ayat tersebut Allah memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW agar mengingat hamba-Nya dan Nabi-Nya yang bernama Dawud. Hal ini dimaksudkan agar ia dapat mengambil pelajaran yang baik daripadanya, kerana Dawud mempunyai sifat Zal Aidi (iaitu mempunyai kekuatan) dalam beragama, yang tidak lemah kerana kekerasan dan tidak kalah kerana penganiayaan. Juga Allah menyifatkan "Awwab" (yang banyak kembalinya kepada Allah, dan bersandar diri kepada-Nya) dalam menghadapi kekejaman dan kesukaran, baik secara sembunyi-sembunyi mahupun secara terang-terangan.

[Kembali ke atas ↑](#)

Keistimewaan Nabi Dawud

Allah telah memberikan keistimewaan kepada ditundukkan supaya bertasbih bersamanya

Nabi Dawud, iaitu gunung-ganang pada waktu siang, pagi atau malam

dengan bahasa khas yang tidak dapat difahami oleh manusia. Tetapi difahami oleh Nabi Dawud dengan inderanya, pengetahuan dan kelebihan khusus yang telah diberikan Allah kepadanya. Demikian juga burung-burung disuruh oleh Allah ikut bertasbih bersama Dawud.

[Kembali ke atas ↑](#)

Kenikmatan-kenikmatan

Yang Diterima Nabi Dawud

Allah memberikan bermacam-macam kenikmatan kepada Nabi Dawud, berupa kerajaan yang dimilikinya, kenabian, ilmu, dan kebijaksanaan dalam menyelesaikan perselisihan. Hal ini telah disebutkan dalam Al-Quran:
"Dan Kami kuatkan kerajaannya dan Kami berikan kepadanya hikmah dan kebijaksanaan dalam penyelesaian perselisihan."

(Shad: 20)

Yang dimaksud dengan "Kami kuatkan kerajaannya" ialah Allah menguatkan kerajaannya dengan wibawa kemenangan, kekuatan tentera dan nikmat yang berlipat ganda. Dan yang dimaksud dengan "Kami berikan kepadanya hikmah" adalah, kenabian, ilmu yang sempurna dan ilmu perundang-undangan. Sedangkan yang dimaksud dengan "Kebijaksanaan dalam menyelesaikan perselisihan" ialah kebijaksanaan dalam menyelesaikan perselisihan antara orang-orang yang berselisih dengan memisahkan antara yang benar dan yang salah.

[Kembali ke atas ↑](#)

Nabi Dawud Sebagai Hakim

Nabi Dawud a.s. telah membahagi hari-harinya menjadi empat bahagian: sehari untuk beribadat, sehari untuk menjadi hakim, sehari lagi untuk memberikan pengajaran, dan sehari lagi untuk kepentingan peribadi.

[Kembali ke atas ↑](#)

Kelalaian Nabi Dawud

Dalam Memutuskan Perkara

Di zaman Nabi Dawud, seorang lelaki tidak dibatasi dalam memiliki isteri. Seorang lelaki boleh mempunyai isteri dua, tiga, empat dan seterusnya. Tidak ada larangan dalam syariat kitab Zabur. Nabi Dawud sendiri mempunyai isteri sembilan puluh sembilan jumlahnya. Pada suatu ketika Dawud diliputi kelalaian. Ada salah seorang yang mempunyai isteri hanya seorang, tetapi oleh Nabi Dawud isteri orang tersebut mahu dimintanya. Suami dari isteri tadi berkata kepada Nabi Dawud: Bagaimakah ini, isteriku hanya satu, padahal isterimu sudah sembilan puluh sembilan? Nabi Dawud menjawab: Untuk menggenapkan sehingga menjadi seratus jumlahnya.

Dari peristiwa itu Allah lalu mengutus dua malaikat menghadap kepada Nabi Dawud. Malaikat tadi menyerupai manusia yang berpura-pura mengadukan suatu persoalan dan memohon supaya dihukum dengan adil. Lalu dua malaikat tadi mengadukan persoalannya: Hai Nabi Dawud, aku memohon dihukum dengan adil, bahawa aku mempunyai kambing hanya seekor, dan akan diminta oleh saudaraku ini yang dia sudah mempunyai kambing sembilan puluh sembilan ekor jumlahnya, dia ingin menggenapkannya menjadi seratus ekor kambing. Nabi Dawud menjawab: Sesungguhnya orang yang mempunyai kambing sembilan puluh

Kaumnya yang ikut menyaksikan jalannya persidangan itu sangat bersetuju atas keputusan Sulaiman (Anak Nabi Dawud). Dan Dawud berkata: Aku menyetujui keputusan ini, wahai anakku. Lalu ia memberikan keputusan sesuai dengan fatwa Sulaiman.

Hal ini disebutkan di dalam Al-Quran:

“Dan (ingatlah kisah) Dawud dan Sulaiman, diwaktu kedua-duanya memberikan keputusan mengenai tanaman, kerana tanaman itu dirosakkan oleh k kambing-kambing kepunyaan kaumnya. Dan adalah Kami menyaksikan keputusan yang diberikan oleh mereka itu, maka Kami telah memberikan ilmu kepada Sulaiman tentang hukum (yang lebih tepat) dan kepada masing-masing mereka telah Kami berikan hikmah dan ilmu.”

(Al-Anbiya': 78-79)

[Kembali ke atas ↑](#)

Mukjizat Nabi Dawud

Allah telah menunjukkan dalam Al-Quran tentang kelebihan yang diberikan kepada Dawud atau mukjizat, iaitu hal-hal yang luar biasa yang tidak dapat diperbuat oleh manusia biasa. Iaitu besi boleh dilunakkan seperti lilin dan dapat dirobah sesuka hatinya tanpa memakai api atau alat apa pun. Dan dari besi itu pula ia membuat baju besi yang dikukuhkan dengan tenunan dari bulatan-bulatan rantai yang jalin menjalin. Jenis baju ini tidak akan mengganggu pemakainya di dalam bergerak, tidak seperti baju-baju besi yang kaku dan keras.

[Kembali ke atas ↑](#)

Kitab Nabi Dawud

Al-Quran telah menyebutkan bahawa Allah Ta'ala kepada Nabi Dawud berupa Kitab Zabur:
“...Dan Kami berikan (kitab) Zabur itu kepada Dawud.”

telah memberikan sebuah Kitab

[Kembali ke atas ↑](#)

Dipetik Dari Buku: [Qisasul Anbiya' 1 - Kisah Para Nabi & Rasul - Siri 2](#)
Pengarang: Ibnu Katheir

